Pendakwa Raya lwn Muhlis

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO (MT–1) 45–1 TAHUN 2002

SYED AHMAD HELMY PK

12 MAC 2003

Undang-undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya (Malaysia) — s 39B(1)(a) — Milikan — 'Milikan eksklusif' — Sama ada tertuduh mempunyai milikan ekslusif dadah itu — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), (da), (h)

Tertuduh telah dituduh di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Setelah SP5 dan SP6 telah menerima maklumat, tertuduh telah ditahan di hadapan sebuah kedai runcit oleh SP5, SP6 dan satu anggota polis wanita. Pemeriksaan fizikal telah dijalankan ke atas tertuduh tetapi tiada barang salah telah dijumpai di atasnya. Setelah itu motorsikal tertuduh telah diperiksa dan bahan yang disyaki dadah telah dijumpa. Isu di dalam kes ini adalah sama ada tertuduh mempunyai 'milikan' dadah itu.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan:

(1) Di dalam kes ini memandangkan bahawa dadah dijumpai di bawah tempat duduk motorsikal anggapan-anggapan statutori di bawah s 37(d) dan/atau (h) Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak terpakai kerana motorsikal tidak boleh dianggap sebagai suatu 'receptacle' yang mengandungi dadah dan barang salah dalam kes ini tidak dijumpai disimpan di dalam suatu tempat yang dibuat khas bagi tujuan itu (lihat perenggan 7).

(2) Intipati yang penting dan perlu dibuktikan oleh pendakwaan dalam pertuduhan dalam kes ini ialah 'milikan' yang bermaksud 'milikan ekslusif'. Bagi tujuan membuktikan milikan eksklusif pihak pendakwaan perlu mengemukakan pembuktian berkenaan bukan sahaja penjagaan dan kawalan tetapi juga pengetahuan ke atas dadah dijumpai (lihat perenggan 8).

(3) Apabila dadah dijumpai di bawah tempat duduk motorsikal oleh SP5 tertuduh tidak pernah cuba berlari melepaskan diri. Ini menunjukkan bahawa beliau tiada pengetahuan berkenaan dengan dadah yang dijumpai, kerana jika beliau ada pengetahuan sudah tentu dengan keadaan tidak bergari beliau akan cuba melarikan diri. Di dalam kes ini juga tiada keterangan oleh SP5 dan SP6 bahawa tertuduh telah ditanya atau disuruh kenal pasti sama ada barang yang dijumpai di bawah tempat duduk motorsikal adalah kepunyaan tertuduh (lihat perenggan 11)

(4) Berdasarkan kepada kegagalan pendakwaan membuktikan milikan maka pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie berkenaan pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh di akhir kes pendakwaan dan oleh yang demikian tertuduh dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan (lihat perenggan 21).

[**English summary**

The accused was charged under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). After SP5 and SP6 received information, the accused was arrested in front of a sundry shop by SP5, SP6 and a female police officer. A physical examination was conducted upon the accused but the police could not find illegal substances on the accused. After that, his motorcycle was inspected and a substance suspected to be drugs was found. The issue was whether the accused had 'milikan' of the drugs.

Held, acquitting and releasing the accused from the charge:

(1) In this case, since the drugs were found under the seat of the motorcycle, the statutory assumptions under s 37(d) and/or (h) of the DDA could not be used because the motorcycle could not be thought of as a 'receptacle' that had drugs and illegal substances in this case were not found in a place that was made for that purpose (see para 7).

(2) The prosecution needs to prove that 'milikan' means 'milikan ekslusif' in the charge in the case. To prove exclusive possession the prosecution has to present evidence related to and not just on custody and control but also knowledge about the drugs found (see para 8).

(3) When the drugs were found under the motorcycle seat by SP5, the accused did not attempt to escape. This showed that he was not aware of the drugs that were found, because if he was aware and since he was not handcuffed, he would have tried to escape. In this case, SP5 and SP6 did not provide evidence that the accused was asked or told to identify whether the drugs found under the motorcycle seat were his (see para 11).

(4) Based on the prosecution's failure to prove exclusive possession, the prosecution has failed to prove a prima facie case on the charge against the accused at the end of the prosecution's case and thus the accused was acquitted and released of the charge (see para 21).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (Malaysia), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 290–391.
Untuk dangerous drugs offences secara am, lihat 11 *Halsbury's Laws of Malaysia*, perenggan [190.548]–[190.608].

Kes-kes yang dirujuk

PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561 (dirujuk)
PP v Mohd Amin bin Mohd Razali & Ors [2002] 5 MLJ 406 (dirujuk)
PP v Muhamad Nasir bin Shaharuddin & Anor [1994] 2 MLJ 576 (dirujuk)
PR v Mok Kar Poh [2001] 1 AMR 1200 (dirujuk)
Warner v Metropolitan Police Commissioner [1968] 2 All ER 356 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 37(d), (da)(i), (h)

Syed Ahmad Helmy PK:

[1] Tertuduh dalam kes ini telah dituduh di atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 9.08.2000, jam lebih kurang 12.45 petang di Jalan Kebun Teh, di dalam Bandaraya Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim telah mengedarkan dadah berbahaya iaitu 43.21g monoacetylmorphines dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Pihak pendakwaan telah mengemukakan sembilan orang saksi dan secara ringkas mengikut keterangan pihak pendakwaan bertindak atas maklumat yang diterima D/Kpl Puspanathan a/l S Subramaniam ('SP5') bersama DL/ Kpl S Ravidas a/l Supramaniam ('SP6') bersama anggota polis wanita Suzaida telah pergi ke tempat kejadian di kawasan setinggan di suatu lorong di Jalan Kebun Teh Lama, Johor Bahru. Mereka membuat pemantauan selama 25minit dekat dengan sebuah kedai runcit. Mengikut keterangan SP5 pada kira pukul 12.45pm tertuduh yang menunggang motorsikal JFR 4534 masuk ke kawasan lorong tersebut dan berhenti di hadapan kedai runcit. Tertuduh turun dari motorsikalnya dan mematikan enjin motorsikal. SP6 dan anggota polis wanita, Suzaida menuju ke arah tertuduh dan SP5 menghampiri dan menahan tertuduh dan selepas itu memperkenalkan dirinya sebagai anggota polis.

[3] Pemeriksaan fizikal ke atas badan tertuduh telah dijalankan oleh SP5 dan tiada barang salah dijumpai seterusnya pemeriksaan pada motorsikal telah dijalankan dan SP5 telah menjumpai di bawah tempat duduk motorsikal bahan yang disyaki dadah.

[4] Beban bukti ke atas pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan ialahpembuktian suatu kes 'prima facie' dalam erti kata pendakwaan harus menunjukkan bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan pengedaran. Pendekatan kepada apa yang sebenarnya dimaksudkan dengan bukti 'prima facie' telahpun dihuraikan oleh YA Zainun Ali di dalam kes *Pendakwa Raya v Mok Kar Poh* [2001] 1 AMR 1200 di ms 1204–1205:

> As has been postulated in several authorities, a prima facie case though not conclusive is a case which is sufficient to call for an answer. It is also recurrent in all these authorities that although not conclusive, it is incumbent that *there be credible evidence on each and every essential ingredient of the offence.*
>
> As has been further emphasised in *PP v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678, 'credible evidence is evidence which has been filtered and which has gone through the process of evaluation.'
>
> The Court there went on to add that 'any evidence which is not safe to be acted upon, should be rejected'. Thus prima facie evidence is one which is not inherentlv credible which is if unrebutted, would warrant a conviction. (Emphasis added.)

[5] Seterusnya YA Zulkefli dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Amin bin Mohd Razali & Ors* [2002] 5 MLJ 406 di ms 422 berkenaan perkataan 'prima facie' telah mengatakan seperti berikut:

> I would take the view that the phrase 'prima facie case' used in the context of whether a prima facie case had been made out at the close of the prosecution case in order

to call for the defence of an accused would simply mean that at that stage of the case there is credible evidence wherein such evidence adduced is free from reasonable doubt, uncontradicted and proving each and every essential ingredient of the offence which if unrebutted would warrant a conviction of an accused person.

[6] Berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan khususnya SP5 dan SP6 apabila tertuduh ditahan dan pemeriksaan fizikal ke atas tubuhnya dibuat tiada barang salah dijumpai dan walaupun pemeriksaan ke atas motorsikal menghasilkan perjumpaan dadah tertuduh tidak pernah cuba berlari melepaskan diri. Dalam keadaan bergantung kepada keterangan mengikut keadaan beban ke atas pendakwaan mesti menjurus kepada kesalahan tertuduh sepertimana yang telah diputuskan oleh YA Edgar Joseph Jr HMA dalam kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561 di ms 567:

It is trite law that where the prosecution is relying on circumstantial evidence the onus upon it is a heavy one and that evidence must point irresistibly to the guilt of the accused. If there are gaps in it then that will not be sufficient (per Pike CJ in *Chang Kim Siong v PP* [[1968] 1 MLJ 36]).

[7] Di dalam kes ini memandangkan bahawa dadah dijumpai di bawah tempat duduk motorsikal anggapan-anggapan statutori di bawah s 37(d) dan/atau (h) Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak terpakai kerana motorsikal tidak boleh dianggap sebagai suatu 'receptacle' yang mengandungi dadah dan barang salah dalam kes ini tidak dijumpai disimpan di dalam suatu tempat yang dibuat khas bagi tujuan itu.

[8] Intipati yang penting dan perlu dibuktikan oleh pendakwaan dalam pertuduhan dalam kes ini ialah 'milikan' yang bermaksud 'milikan ekslusif'. Bagi tujuan membuktikan milikan eksklusif pihak pendakwaan perlu mengemukakan pembuktian berkenaan bukan sahaja penjagaan dan kawalan tetapi juga pengetahuan ke atas dadah dijumpai.

[9] Sepertimana yang diperkatakan oleh YA Visu Sinnadurai dalam kes *Public Prosecutor v Muhamad Nasir bin Shaharuddin & Anor* [1994] 2 MLJ 576 di ms 592:

Two points must, however, be stressed at this stage: (i) that knowledge is only one of the ingredients of the offence of possession. Mere knowledge by itself does not amount to possession. Therefore, even if the prosecution succeeds in establishing knowledge, it must also go a step further and establish control or custody of the drugs by the first accused; and (ii) the prosecution must establish that the accused had knowledge of all the drugs; the possession of which he is being charged.

[10] Di dalam kes ini keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjuk bahawa dadah dijumpai berhampiran dengan tertuduh. Adalah pendapat saya bahawa kehampiran (proximity) sahaja tidak mencukupi untuk membuktikan pengetahuan dan kemudiannya milikan — sila lihat *PPv Mok Kar Poh.*

[11] Perlu juga ditegaskan bahawa apabila dadah dijumpai di bawah tempat duduk motorsikal oleh SP5 tertuduh tidak pernah cuba berlari melepaskan diri. Perlakuan tertuduh menunjukkan bahawa beliau tiada pengetahuan berkenaan

dengan dadah yang dijumpai, kerana jika beliau ada pengetahuan sudah tentu dengan keadaan tidak bergari beliau akan cuba melarikan diri. Di dalam kes ini juga tiada keterangan oleh SP5 dan 5P6 bahawa tertuduh telah ditanya atau disuruh kenal pasti sama ada barang yang dijumpai di bawah tempat duduk motorsikal adalah kepunyaan tertuduh dan tiada keterangan bahawa tertuduh diarah membuka tempat duduk motorsikal untuk mengenal pasti kandungan dadah yang dijumpai di dalamnya.

[12] Perlu diingati bahawa motorsikal yang ditunggang oleh tertuduh bukan kepunyaannya dan pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan keterangan berkenaan tindakan untuk mengesan dan mencari pemilik berdaftar motorsikal tersebut.

[13] Walaupun keterangan menunjukkan bahawa kunci motorsikal dirampas daripada tertuduh — namun demikian ia tidak membawa apa-apa kesan istimewa kecuali ia mengesahkan bahawa tertuduh adalah pembawa motorsikal tersebut. Fakta bahawa tertuduh adalah pembawa motorsikal tersebut bukanlah bermaksud bahawa tertuduh adalah tuanpunya motorsikal tersebut ataupun beliau mempunyai milikan eksklusif atau kawalan ke atas motorsikal tersebut.

[14] Menurut keterangan saksi pendakwa Sinniya a/l Sinniah ('SP4') pemilik berdaftar motorsikal tersebut adalah Sufiyan Hidyat bin Sulaiman jadi ianya tidak mengetepikan kemungkinan bahawa terdapat barang-barang lain diletakkan oleh tuanpunya motorsikal di motorsikal tersebut.

[15] Secara umumnya keterangan yang dikemukakan terdapat kekurangan untuk mengaitkan tertuduh dengan dadah yang dijumpai selain daripada ia dijumpai di bawah tempat duduk motorsikal ditunggang oleh tertuduh.

[16] Tiada keterangan dikemukakan oleh pendakwaan untuk menunjukkan bahawa tertuduh merasa ragu-ragu atau keberatan bagi membuka tempat duduk motorsikal tersebut — ini adalah penting kerana akan membantu merumuskan tentang pengetahuan.

[17] Berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah jelas bahawa ia menunjukkan tiada hubungan fizikal (physical nexus) di antara tertuduh dan dadah dijumpai di bawah tempat duduk motorsikal.

[18] Di dalam kes *Warner v Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356 di ms 328 Lord Guest telah menerangkan perkataan 'milikan' seperti berikut:

> A great number of authorities were referred to in which the meaning of 'possession' has been considered. The burden of these cases is that there must be knowledge before there can be 'possession'. There is no possession by a man until he knows what he has got.

[19] Di dalam kes ini tidak ada keterangan secara langsung (direct evidence) yang tertuduh tahu bahawa barang salah yang dijumpai di bawah tempat duduk motorsikal adalah dadah. Oleh itu pihak pendakwa terpaksa bergantung kepada keterangan mengikut keadaan bagi menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan yang diperlukan.

[20] Keterangan mengikut keadaan dalam kes ini yang diketengahkan oleh pihak pendakwaan gagal menunjukkan bahawa tertuduh ada pengetahuan dan oleh yang demikian intipati milikan di bawah s 37(da)(i) ADB 1952 tidak dapat dibuktikan.

[21] Berdasarkan kepada kegagalan pendakwaan membuktikan milikan maka saya berpendapat pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie berkenaan pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh di akhir kes pendakwaan dan oleh yang demikian tertuduh dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan.

Reported by Chew Phye Ken